

SENI ARCA DALAM MASYARAKAT ORANG ULU.  
BENTUK DAN PERANANNYA.

MOHAMAD MAJIDI B. AMIR  
(89670738)

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Seni Lukis dan Seni Reka  
Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada  
keperluan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka.

Dekan  
Kajian Seni Lukis dan Seni Reka  
Institut Teknologi Mara  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Allah s.w.t di atas limpah kurniannya saya dapat menyiapkan tesis ini. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan, berkat doa ayah dan ibu saya dapat mengharunginya dengan sabar. Terima kasih kepada keduanya yang telah memberi dorongan mental dan material. Segala apa yang telah diberikan, Insyaallah akan saya balas.

Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah yang telah mendidik dan membimbing saya. Segala ilmu yang diberikan akan saya kembangkan kepada masyarakat dan negara. Kepada Encik Fauzan yang menjadi pendorong kepada saya untuk mengkaji seni di negeri saya sendiri iaitu Sarawak, terima kasih kepada Encik Tazudin Mokhtar (Kurator Jabatan Antikuiti, Muzium Negeri Sarawak). Saya ucapkan jutaan terima kasih atas bimbingan anda selama saya menjalani latihan praktikal dan semasa saya membuat kajian di sana.

## SINOPSIS

Penulisan ini merupakan satu ujian tentang hasil seni masyarakat Orang Ulu iaitu "seni arca" atau ukiran yang menjadi kebanggaan masyarakat ini dan juga masyarakat Malaysia. Ukiran-ukiran atau arca-arca ini mempunyai peranan-peranan tersendiri dalam kehidupan seharian masyarakat Orang Ulu. Ia merangkumi saiz, bentuk dan motif-motif yang terdapat di atasnya. Kajian mengenai difinisi "seni arca" dan peranan "seni arca" dalam masyarakat ini merupakan satu perkara yang rumit dan amat menarik sebagai satu koleksi sejarah tentang budaya yang semakin pupus. Dan inilah yang mendorong saya untuk mengkaji dan menulis tentang tajuk ini.

Tesis ini bertujuan untuk mengenali sendiri sistem kehidupan masyarakat Orang Ulu dan mengkaji faktor-faktor yang dilandaskan bagi mencipta atau menghasilkan ukiran-ukiran tersebut berlandaskan peranannya dalam kehidupan seharian masyarakat tersebut. Tesis ini juga bertujuan untuk menjelaskan kekeliruan masyarakat moden mengenai kepercayaan masyarakat tersebut dan memahami makna dan inti bentuk seni primitif berdasarkan budaya material seterusnya dapat mengetahui sejarah masyarakat Orang Ulu di Sarawak yang kurang dikenali oleh masyarakat luar.

## ISI KANDUNGAN

Bab	Perkara	Halaman
	Halaman pemeriksa	
	Penghargaan	I
	Sinopsis	IV
	Jadual Isi Kandungan	VII
	Senarai Gambar dan Lampiran	X
Bab 1	<b>PENGENALAN</b>	1 - 2
Bab 2	<b>LATARBELAKANG KAJIAN</b>	
2.1	Tujuan	3 - 4
2.2	Skop Kajian	5 - 6
2.3	Methodologi Kajian	7
2.4	Kaedah dan Teknik Pengalisaan	8
2.4.1	Seni Dalam Masyarakat Primitif	9 - 10
2.4.2	Seni Sebagai Keperluan Masyarakat	11 - 13
2.4.2.1	Motivasi-motivasi Seni	13 - 14
2.4.2.2	Fungsi Seni Primitif	14 - 15
2.4.3	Hubungan Seni dan Masyarakat	16 - 17
2.5	Difinisi	18 - 21
Bab 3	<b>SEJARAH DAN LATARBELAKANG</b>	
3.1	Sejarah Kedatangan Penduduk Pribumi Sarawak	22
3.2	Populasi dan Latarbelakang Penduduk Sarawak	23

## BAB 1 PENGENALAN

Tesis ini merupakan sebahagian dari keperluan Kajian Senilukis dan Senireka, ITM bagi pelajar-pelajar tahun akhir. Di dalam proses menghasilkannya berbagai-bagai pengetahuan telah ditimba sama ada untuk keperluan projek studio atau pengetahuan am dalam menjalani kehidupan sebagai khalifah di muka bumi ini.

Sebagai seorang yang berasal dari satu tempat yang mempunyai cara hidup yang unik dan tersendiri, saya merasa bangga untuk menghasilkan sesuatu yang boleh menjadi kebanggaan masyarakat saya. Telah diketahui umum yang Sarawak adalah sebuah negeri yang indah dari pelbagai sudut sama ada 'art form' atau sistem kehidupan masyarakatnya. Ini adalah kerana masyarakat Sarawak terdiri daripada berbagai suku kaum, maka dengan itu terhasillah beraneka bentuk seni yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri mengikut kaum masing-masing.

Perbezaan didapati daripada perbezaan pada bentuk, jenis, fungsi, motif dan rekacorak yang terdapat pada